

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 MAC 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 10

### 178 projek sakit dikenal pasti

Sejumlah 92 daripada projek sakit tersebut sedang dan telah diambil tindakan intervensi atau *problem solving*

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA LUMPUR**  
**K**eraajaan mengenal pasti terdapat 178 daripada 6,755 projek di bawah perbelanjaan pembangunan yang diluluskan tahun ini dikategorikan sebagai projek sakit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, daripada jumlah itu, 92 daripada projek sakit tersebut sedang dan telah diambil tindakan intervensi atau *problem solving* oleh Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ujarnya, sebanyak 41 projek pula berjaya dipulihkan dan mengikut jadual pelaksanaan projek yang dirancang manakala 51 projek lagi sedang dalam tindakan pemulihan.

"Dalam sistem pemantauan projek oleh

# 178 projek sakit dikenal pasti

ICU, terdapat dua kategori projek yang didefinisikan sebagai projek bermasalah iaitu pertama projek lewat jadual apabila peratus kemajuan sebenar menunjukkan kelewatan sehingga 20 peratus daripada peratus kemajuan jadual.

"Kategori kedua pula, kemajuan kerja fizikal mengalami kelewatan melebihi 20 peratus berbanding jadual dirancang," katanya ketika menjawab pertanyaan **Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal (Bersatu-Bukit Gantang)** yang minta menyatakan setakat tahun 2022 berapa banyak projek kerajaan terbengkalai dan projek gajah putih yang terbiar tanpa dibangunkan semula.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata,



MUSTAPA

bagi tahun ini iaitu tahun kedua Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) membabitkan 6,755 projek itu, sebanyak RM75.6 bilion perbelanjaan pembangunan telah diluluskan ketika ini.

Katanya, daripada 6,755 projek tersebut, kira-kira 5,400 projek merupakan projek sambungan.

"Pelaksanaan projek pembangunan penting untuk menjana aktiviti ekonomi negara dan ia perlu dipantau rapi oleh kerajaan.

"Bagi memastikan projek pembangunan dilaksanakan dengan lancar, saya sendiri bersama dengan Ketua Setiausaha Negara mempergerusikan Jawatankuasa Pemudahcara Pelaksanaan Projek Pembangunan Negara untuk mempercepatkan pelaksanaan projek pembangunan," kata beliau.